

**SPRM serbu UDA kerana bekas pegawai kanan  
Malaysian Insider  
20 Julai, 2012  
Oleh Hafidz Baharom**

KUALA LUMPUR, 20 Julai — Menurut sumber dalaman yang tidak mahu namanya dikenali semalam, badan pencegahan rasuah mengambil fail dari UDA Holdings Bhd berkaitan dengan penyiasatan terhadap kes tuntutan kewangan yang tidak berasas bekas pegawai kanan berjumlah RM1 juta.

The Malaysian Insider difahamkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat bekas ketua pegawai eksekutif, Datuk Jaafar Abu Hassan, yang meninggalkan syarikat pemaju hartanah milik kerajaan pada bulan Jun 2011.

"Pegawai SPRM datang dan ambil beberapa fail berkaitan dengan tuntutan kewangan yang ditemui ketika pemeriksaan audit dijalankan," kata sumber kepada The Malaysian Insider.

Difahamkan lagi, UDA telah mengambil tindakan sivil untuk mendapatkan kembali wang yang dibayar bagi tuntutan kewangan tersebut.

"Ahli lembaga pengarah UDA sudahpun mengambil tindakan sementara SPRM pula sedang melihat sisi jenayah kes tersebut," kata satu sumber lain.

Minggu ini SPRM telah mendakwa bekas ketua pegawai eksekutif Sime Darby Bhd, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid, kerana menipu dan jenayah pecah amanah berkaitan dengan urusan tanah di Srawak. Ini dilihat sebagai langkah pentadbiran Najib memerangi rasuah.

Zubir berhenti pada 2010 selepas Sime kerugian sebanyak RM1.7 bilion melalui unit kejuruteraan manakala Jaafar, selepas enam tahun memimpin syarikat milik kerajaan itu, berhenti sebelum kontrak perkhidmatannya tamat. Blog pro kerajaan melaporkan Jaafar telah meletakkan jawatan tahun lalu dan membuat spekulasi ia disebabkan beliau tidak dapat menjustifikasikan tuntutan kewangan tersebut.

Di bawah Jaafar, UDA berjaya menyiapkan Puduraya Sentral dan sebuah hotel di Pekan, kawasan parlimen dan tempat lahir perdana menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Akan tetapi, nama UDA holdings heboh di dalam media apabila mereka mencadangkan pembangunan semula Penjara Pudu dan kemungkinan untuk melenyapkan Plaza Bukit Bintang untuk memberi laluan kepada projek stesen Bukit Bintang My Rapid Transit (MRT). Rancangan UDA untuk menjual sedibang tanah di Jalan Sultan Ismail terpaksa dibatalkan selepas Perbendaharaan tidak memberi restu tahun lalu.

Syarikat milik kerajaan itu sekarang diterajui oleh pengarah urusan Ahmad Abu Bakar dari bulan Mac lalu dan masih dipengerusikan oleh Datuk Nur Jazlan Mohamed bagi penggal kedua.

Ahmad sebelum ini merupakan ketua pegawai eksekutif bagi Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd dan pengarah eksekutif bagi Naim Cendera Holdings Bhd.

Pengarah urusan itu sekarang ini sedang sibuk dengan peniaga Plaza Bukit Bintang yang membantah projek pembangunan semula itu yang berkaitan dengan stesen MRT Bukit Bintang. Mereka akan membuat laporan kepada SPRM pagi ini untuk mendakwa terdapatnya rasuah di UDA.

UDA, yang mempunyai beberapa pilihan tanah di ibu kota dan juga Johor Bahru, kini sedang mengkaji cadangan untuk membangunkan bekas tapak Penjara Pudu yang akan dikenali sebagai Bukit Bintang City Centre atau BBCC.

Kementerian kewangan telah mecadangkan untuk membahagikan BBCC kepada tiga kawasan dalam rangka untuk memaksimumkan nilai tanah itu walaupun UDA telah menerima tawaran RM 2 bilion daripada syarikat China untuk bersama-sama membangunkan tanah tersebut.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/sprm-serbu-uda-kerana-bekas-pegawai-kanan/>

